

**PERATURAN-PERATURAN MENGGUNAKAN KENDERAAN
DI DALAM UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)**

1. Pengguna-pengguna jalanraya di dalam kampus adalah tertakluk kepada **Peraturan-Peraturan Lalu Lintas KUIS 2022** dan **Akta Pengangkutan Jalan (1987)**.
2. Setiap pemandu kenderaan yang masuk ke kampus hendaklah mempunyai pelekat kenderaan yang **sah**.
3. Kebenaran memasuki kampus hanya diberi kepada Ahli Lembaga Pengarah, pegawai, pelajar, agensi luar dan pelawat yang sah sahaja.
4. Pelekat kenderaan ini hendaklah digunakan **sepanjang masa** untuk tujuan masuk ke UIS.
5. Pelekat kereta hendaklah dipamerkan di **penjuru (kanan)** atas cermin hadapan kenderaan dan bagi motosikal pula hendaklah dipamerkan di **bahagian hadapan** bagi memudahkan pelekat tersebut dapat dilihat.
6. Pelekat-pelekat kenderaan ini **tidak boleh** dipindah milik atau dipalsukan, jika didapati bersalah pelekat akan dirampas dan tidak akan dikembalikan.
7. Had laju di dalam kampus **tidak melebihi 35 km/j**. Sila perlahankan kenderaan semasa melalui pintu utama ke UIS.
8. Pengguna-pengguna jalanraya diminta memberi kerjasama ketika pemeriksaan keselamatan dijalankan.
9. Kenderaan yang **tidak mempunyai pelekat** adalah dilarang masuk kecuali dengan kebenaran Bahagian Keselamatan.
10. Sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di dalam kawasan kampus hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Keselamatan dan pihak berkuasa Universiti secepat mungkin.
11. Kenderaan-kenderaan hendaklah **di parkir** di kawasan yang dikhususkan sahaja atau di tempat yang diarahkan oleh pihak Keselamatan.
12. Kebenaran membawa masuk kenderaan boleh ditarik balik oleh pihak Keselamatan pada bila-bila masa jika arahan-arahan lalu lintas di dalam kampus tidak dipatuhi.

Disediakan oleh:

MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ALANG AZIDDIN

Bahagian Keselamatan

22 Ogos 2023

Disemak dan disahkan oleh:

SYAFYNY BINTI A. RAHMAN

Ketua Bahagian Keselamatan

22 Ogos 2023